



**ARAHAN TETAP  
KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2015**

**PANDUAN PAKAIAN SERAGAM  
PEMBANTU KESELAMATAN DAN  
PENGAWAL KESELAMATAN KERAJAAN**

**PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN  
MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PANDUAN PAKAIAN SERAGAM  
PEMBANTU KESELAMATAN DAN  
PENGAWAL KESELAMATAN KERAJAAN**

# *Kandungan*

<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
Perutusan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan	4
Tujuan	5
Latar Belakang	5
Pemakaian	6
Am	7
Lampiran	8 - 30

**Perutusan**

**Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan**

Bismillahirrahmannirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia

Arahan Tetap Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2015 – Panduan Pakaian Seragam Pembantu Keselamatan Dan Pengawal Keselamatan Kerajaan ini akan dijadikan sebagai rujukan dan panduan oleh semua Kementerian dan Jabatan Persekutuan yang mempunyai keanggotaan Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan dalam urusan pemakaian pakaian seragam.

Besar harapan saya agar dengan adanya panduan ini, ia akan menjadikan anggota Pembantu Keselamatan Dan Pengawal Keselamatan Kerajaan ini lebih berketrampilan, kemas, berdisiplin dan menaikkan imej Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan secara khususnya dan Perkhidmatan Awam secara amnya.

Sekian, terima kasih.

Dato' Aloyah Binti Mamat  
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan  
10 Disember 2015

# **ARAHAN TETAP KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN BILANGAN 1 TAHUN 2015**

## **PANDUAN PAKAIAN SERAGAM PEMBANTU KESELAMATAN DAN PENGAWAL KESELAMATAN KERAJAAN**

### **1. TUJUAN**

- 1.1 Panduan pemakaian pakaian seragam Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan ini dikeluarkan untuk penyelarasan dan penyeragaman kepada semua Pembantu Keselamatan Gred KP17, KP22 dan KP26 serta Pengawal Keselamatan Gred KP11 dan KP14 yang tertakluk di bawah tanggungjawab Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia selaku Ketua Perkhidmatan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010 – Penetapan Ketua Perkhidmatan Bagi Skim Perkhidmatan Yang Sedang Berkuat kuasa Dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.
- 1.2 Pakaian seragam ini mempunyai identiti yang tersendiri dan berbeza daripada pakaian seragam bagi skim-skim perkhidmatan yang lain.

### **2. LATAR BELAKANG**

Pakaian seragam bagi Pembantu Keselamatan Gred KP17, KP22 dan KP26 serta Pengawal Keselamatan Gred KP11 dan KP14 di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan pada masa ini adalah tidak seragam. Oleh itu, Pejabat ini bertanggungjawab untuk menyelaras dan menyeragamkan pemakaian pakaian seragam bagi semua Pembantu Keselamatan Gred KP17, KP22 dan KP26 serta Pengawal Keselamatan Gred KP11 dan KP14 di bawah Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

### **3. PEMAKAIAN**

- 3.1 Panduan pakaian seragam ini **terpakai** kepada semua Pembantu Keselamatan Gred KP17, KP22 dan KP26 serta Pengawal Keselamatan Gred KP11 dan KP14 di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan.
- 3.2 Panduan pakaian seragam ini **tidak terpakai** kepada mana-mana Pembantu Keselamatan Gred KP17, KP22 dan KP26 serta Pengawal Keselamatan Gred KP11 dan KP14 yang telah ditauliahkan sebagai **Polis Bantuan** di Kementerian/ Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan.
- 3.3 Bagi tujuan keseragaman, Pembantu Keselamatan Gred KP17, KP22 dan KP26 serta Pengawal Keselamatan Gred KP11 dan KP14 di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan yang tidak memilih Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia sebagai Ketua Perkhidmatan dibenarkan memakai pakaian seragam baharu ini tetapi perlu memaklumkan secara rasmi kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.
- 3.4 Semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan Persekutuan yang berkaitan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pakaian seragam semua Pembantu Keselamatan Gred KP17, KP22 dan KP26 serta Pengawal Keselamatan Gred KP11 dan KP14 di bawah tanggungjawab Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia yang bertugas di Kementerian, Jabatan dan Agensi masing-masing diselaras dan diseragamkan menepati kepada panduan yang dikeluarkan ini.
- 3.5 Berikut adalah spesifikasi pakaian seragam bagi Pembantu Keselamatan Gred KP17, KP22 dan KP26 serta Pengawal Keselamatan Gred KP11 dan KP14 iaitu:-
  - 3.5.1 Pembantu Keselamatan Lelaki (Gred KP17, KP22 & KP26) dan Pengawal Keselamatan Lelaki (Gred KP11 & KP14)

– **Lampiran A dan A1;**

3.5.2 Pembantu Keselamatan Wanita (Gred KP17, KP22 & KP26) dan Pengawal Keselamatan Wanita (Gred KP11 & KP14)

– **Lampiran B dan B1; dan**

3.5.3 Tanda Pangkat – **Lampiran C.**

**4. AM**

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan boleh dihubungi bagi mendapatkan penjelasan lebih lanjut berkenaan perkara ini di alamat seperti berikut:-

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

Jabatan Perdana Menteri

Aras -1, 1 dan 2, Blok B7

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Malaysia.

Nombor Telefon : 603-8872 6000

Nombor 1MOCC : 603-8000 8000

Nombor Faksimili : 603-8888 3258

Laman Web : [www.cgso.gov.my](http://www.cgso.gov.my)

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

Jabatan Perdana Menteri

10 Disember 2015.

**PEMBANTU KESELAMATAN LELAKI ( GRED KP17, KP22 & KP26 ) DAN  
PENGAWAL KESELAMATAN LELAKI ( GRED KP11 & KP14 )**

**1. BERET**

- (a) Diperbuat daripada jenis 100% wool tanpa pelapik di bahagian dalam. Beret berwarna hitam dan di bahagian bawah beret terdapat lilitan kain berwarna merah. Logo Jata Negara yang diperbuat daripada *metal plated* berukuran 4.5cm x 3.5cm berwarna emas.
- (b) Turban berwarna hitam bagi bangsa Sikh.



Gambar 1 : Beret

**2. BAJU**

- (a) Lengan pendek.
- (b) 2 poket di depan dan penutup serta *epaulette*s di bahagian bahu.
- (c) Pada penjuru kanan atas penutup poket sebelah kiri perlu disediakan lubang sepanjang 2cm untuk alat tulis dan pada penjuru kanan poket (bawah penutup poket) juga perlu disediakan lubang sepanjang 2cm untuk wisel berantai besi.
- (d) Kain berwarna biru laut.
- (e) Fabrik jenis *Viscose*. Kod warna: 7095.
- (f) Butang baju:
  - i. 4 butang bersaiz 20mm diperbuat daripada *metal plated*, berwarna emas dan berlogo CGSO untuk bahagian hadapan.

- ii. 4 butang bersaiz 16mm diperbuat daripada *metal plated*, berwarna emas dan berlogo CGSO untuk poket hadapan dan *epaulettes*.
  - iii. 2 butang plastik (untuk bahagian hadapan di bahagian dalam baju).
- (g) Tanda nama bertulisan putih, berlatar belakang warna hitam diletakkan 1cm atas pada poket sebelah kanan baju.
- (h) Lencana Integriti CGSO diletakkan di sebelah kanan dada 5cm dari aras poket sebelah kanan.
- (i) Bintang / pingat anugerah kebesaran atau perkhidmatan diletakkan 1cm atas pada poket sebelah kiri (sekiranya ada).
- (j) Logo Kementerian/Jabatan/ Agensi dijahit di sebelah kiri lengan baju 5cm dari *epaulettes*.



Gambar 2 : Baju Lelaki

### 3. SELUAR

- (a) Seluar *Slack* panjang.
- (b) Kain berwarna hitam.
- (c) Fabrik jenis *Viscose*. Kod warna: H-00.
- (d) 3 poket iaitu 2 di depan (*slash front pocket*) dan 1 di belakang (*welted back pocket*).
- (e) Tempat tali pinggang perlu disediakan dalam 2 bentuk kegunaan iaitu 1 untuk kegunaan tali pinggang jenis *tactical belt* dan 1 untuk kegunaan jenis *nylon belt*.



Gambar 3 : Seluar

#### **4. KASUT DAN SARUNG KAKI**

- (a) Kasut potong bertali yang diperbuat daripada kulit / separuh kulit berwarna hitam dan bertumit.
- (b) Sarung kaki berwarna hitam.




Gambar 4 : Kasut lelaki

#### **5. AKSESORI**

##### **5.1. Epaulettes.**

- (a) Diperbuat daripada kain berwarna hitam dengan jalur (*stripe*) disulam berwarna emas dan ditulis dengan perkataan CGSO pada hujung *epaulettes*.
- (b) Pada hujung sebelah atas terdapat butang bersaiz 16mm diperbuat daripada *metal plated*, berwarna emas dan berlogo CGSO.
- (c) Di sebelah belakang *epaulettes* terdapat klip dan penyangkut untuk disangkut di bahu baju yang diperbuat dari *stainless steel*.
- (d) Panjang *epaulettes*: 12cm
- (e) Lebar *epaulettes*: 4.5cm
- (f) Huruf CGSO (tinggi): 1.1cm
- (g) Huruf CGSO (lebar): 1cm
- (h) Lebar Jalur (*Stripe*) berwarna emas: 1cm
- (i) Belakang *epaulettes*:
  - i. Panjang besi: 10.5cm
  - ii. Panjang penyangkut: 5cm



Gambar 5 : *Epaulettes*

5.2. Tanda Pangkat.

Jalur (*Stripe*) berwarna emas selebar 1cm dijahit pada *epaulettes*. Tanda pangkat adalah seperti berikut:-

- i. Satu *Stripe* untuk KP11.
- ii. Dua *Stripe* untuk KP14.
- iii. Satu *Stripe* dan Satu Calit untuk KP17.
- iv. Dua *Stripe* dan Satu Calit untuk KP22.
- v. Satu *Stripe* dan Dua Calit dan untuk KP26.

\* *Rujuk Lampiran C*

5.3. Lencana Kolar

Diperbuat daripada *metal plated* berbentuk bulat, berwarna emas dengan logo CGSO berukuran 16mm. Di bahagian belakang terdapat satu pin untuk disematkan di kolar baju.



Gambar 6 : Lencana Kolar

#### 5.4. Logo Kementerian/ Jabatan/ Agensi

- (a) Logo Kementerian/ Jabatan/ Agensi - disulam pada kain dan dijahit/dilekat pada lengan baju sebelah kiri.
- (b) Tinggi logo: 9 cm
- (c) Lebar logo: 6.5 cm



Gambar 7 : Logo Kementerian/ Jabatan/ Agensi

### 5.5. Wisel Dengan Rantai

Diperbuat daripada jenis *stainless steel* berwarna perak dan tidak mudah karat.



Gambar 8 : Wisel dengan rantai

### 5.6. Butang

- (a) Diperbuat daripada *metal plated* berwarna emas dan berlogo CGSO.
- (b) Saiz dan bilangan butang:
  - i. 4 butang bersaiz 20mm untuk bahagian hadapan.
  - ii. 4 butang bersaiz 16mm untuk poket hadapan dan *epaulettes*.
  - iii. 2 butang plastik (untuk bahagian hadapan di bahagian dalam baju).



Gambar 9 : Butang saiz 20mm



Gambar 10 : Butang saiz 16mm

## 5.7. Tali Pinggang

### (a) *Tactical Belt*

Diperbuat daripada jenis nylon berwarna hitam dengan ketinggian 5cm.

Kepala tali pinggang (*buckle*) diperbuat daripada plastik keras yang tahan lasak berwarna hitam. Logo Jata Negara berwarna emas berukuran 3cm x 2.5cm dari jenis *metal plated* dilekatkan di kepala tali pinggang (*buckle*).



Gambar 11 : *Tactical belt*

### (b) *Nylon Belt*

Diperbuat daripada jenis nylon berwarna hitam dengan ketinggian 3cm.

Kepala tali pinggang (*buckle*) diperbuat daripada *metal plated* berwarna emas. Logo Jata Negara hendaklah diembossed / dilekatkan di kepala tali pinggang (*buckle*).



Gambar 12 : *Nylon belt*

5.8. Lencana Integriti

- (a) Diperbuat daripada *metal plated* berwarna emas berlogo CGSO berwarna di tengah-tengah lencana berukuran 6.5cm x 6cm dengan pin melintang di bahagian belakang. Berat lencana - 33 gram.
- (b) Lencana Integriti CGSO diletakkan sebelah kanan dada 5 cm dari aras poket.



Gambar 13 : Lencana Integriti

5.9. Tanda nama

- (a) Berlatar belakang warna hitam, tulisan berwarna putih.
- (b) Panjang – 7.5cm.
- (c) Tinggi – 2.5cm.



Gambar 14 : Tanda Nama

## **6. LAIN-LAIN**


### **6.1 Potongan rambut**

Potongan rambut mestilah kemas, disisir rapi. Rambut hendaklah sentiasa pendek tidak menyentuh telinga dan kolar baju apabila berdiri.

### **6.2 T-shirt**

T-shirt warna hitam (jika memakai baju dalam bagi lelaki).

**PAKAIAN SERAGAM  
PENGAWAL KESELAMATAN DAN PEMBANTU KESELAMATAN LELAKI  
(GRED KP 11, KP 14, KP 17, KP 22 & KP 26)**



**PEMBANTU KESELAMATAN WANITA ( GRED KP17, KP 22 & KP 26 ) DAN  
PENGAWAL KESELAMATAN WANITA ( GRED KP11 & KP14 )**

**1. BOWLER HAT**

- (a) Diperbuat daripada kain jenis Viscose berwarna hitam dengan dua lilitan kain berwarna merah setinggi 0.5cm di bahagian tengah *bowler hat*. Logo Jata Negara diperbuat daripada *metal plated* berukuran 4.5cm x 3.5cm berwarna emas di tengah-tengah *bowler hat*.
- (b) Jika bertudung, tudung berwarna hitam.



Gambar 15 : *Bowler hat* dan tudung hitam

## **2. BAJU**


- (a) Lengan panjang (*bush jacket*).
- (b) 4 poket di depan dan penutup serta *epaulettes* di bahagian bahu.
- (c) Pada penjuru kanan atas penutup poket kiri perlu disediakan lubang sepanjang 2cm untuk alat tulis dan pada penjuru kanan poket (bawah penutup poket) juga perlu disediakan lubang sepanjang 2cm untuk wisel berantai besi.
- (d) Kain berwarna biru laut.
- (e) Fabrik jenis *Viscose*. Kod warna: 7095.
- (f) Butang baju:
  - i. 6 butang bersaiz 20mm diperbuat daripada *metal plated*, berwarna emas dan berlogo CGSO untuk bahagian hadapan.
  - ii. 6 butang bersaiz 16mm diperbuat daripada *metal plated*, berwarna emas dan berlogo CGSO untuk poket hadapan dan *epaulettes*.
  - iii. 2 butang plastik (untuk bahagian hadapan di bahagian dalam baju).
- (g) Tanda nama bertulisan putih, berlatar belakang warna hitam diletakkan 1cm atas pada poket sebelah kanan baju.
- (h) Lencana Integriti CGSO diletakkan di sebelah kanan dada 5cm dari aras poket sebelah kanan.
- (i) Bintang / pingat anugerah kebesaran atau perkhidmatan diletakkan 1cm atas pada poket sebelah kiri (sekiranya ada).
- (j) Logo Kementerian/Jabatan/ Agensi dijahit di sebelah kiri lengan baju 5cm dari *epaulettes*.



Gambar 16 : Baju Wanita

### 3. SELUAR

- (a) Seluar Slack Panjang.
- (b) Kain berwarna hitam.
- (c) Fabrik jenis Viscose. Kod warna: H-00.
- (d) 2 poket di depan (*slash front pocket*).
- (e) Tempat tali pinggang perlu disediakan untuk kegunaan jenis *nylon belt*.



Gambar 17 : Seluar wanita

#### **4. KASUT DAN SARUNG KAKI**

- (a) Kasut yang diperbuat daripada kulit / separuh kulit berwarna hitam dan bertumit.
- (b) Sarung kaki berwarna hitam.



Gambar 18 : Kasut wanita

#### **5. AKSESORI**

##### **5.1. Epaulettes.**

- (a) Diperbuat daripada kain berwarna hitam dengan jalur (*stripe*) disulam berwarna emas dan ditulis dengan perkataan CGSO pada hujung *epaulettes*.
- (b) Pada hujung sebelah atas terdapat butang bersaiz 16mm diperbuat daripada *metal plated*, berwarna emas dan berlogo CGSO.
- (c) Di sebelah belakang *epaulettes* terdapat klip dan penyangkut untuk disangkut di bahu baju yang diperbuat dari *stainless steel*.
- (d) Panjang *epaulettes*: 12cm
- (e) Lebar *epaulettes*: 4.5cm
- (f) Huruf CGSO (tinggi): 1.1cm
- (g) Huruf CGSO (lebar): 1cm
- (h) Lebar Jalur (*Stripe*) berwarna emas: 1cm
- (i) Belakang *epaulettes*:
  - i. Panjang besi: 10.5cm
  - ii. Panjang penyangkut: 5cm



Gambar 19 : *Epaulettes*

5.2. Tanda Pangkat.

Jalur (*Stripe*) berwarna emas selebar 1cm dijahit pada *epaulettes*. Tanda pangkat adalah seperti berikut:-

- i. Satu *Stripe* untuk KP11.
- ii. Dua *Stripe* untuk KP14.
- iii. Satu *Stripe* dan Satu Calit untuk KP17.
- iv. Dua *Stripe* dan Satu Calit untuk KP22.
- v. Satu *Stripe* dan Dua Calit dan untuk KP26.

\* *Rujuk Lampiran C*

5.3. Lencana Kolar

Diperbuat daripada *metal plated* berbentuk bulat, berwarna emas dengan logo CGSO berukuran 16mm. Di bahagian belakang terdapat satu pin untuk disematkan di kolar baju.



Gambar 20 : Lencana Kolar

#### 5.4. Logo Kementerian/ Jabatan/ Agensi

- (a) Logo Kementerian/ Jabatan/ Agensi - disulam pada kain dan dijahit pada lengan baju sebelah kiri.
- (b) Tinggi logo: 9 cm
- (c) Lebar logo: 6.5 cm



Gambar 21 : Logo Kementerian/ Jabatan/ Agensi

### 5.5. Wisel Dengan Rantai

Diperbuat daripada jenis *stainless steel* berwarna perak dan tidak mudah karat.



Gambar 22 : Wisel dengan rantai

### 5.6. Butang

- (a) Diperbuat daripada *metal plated* berwarna emas dan berlogo CGSO.
- (b) Saiz dan bilangan butang:
  - i. 6 butang bersaiz 20mm untuk bahagian hadapan.
  - ii. 6 butang bersaiz 16mm untuk poket hadapan dan *epaulettes*.
  - iii. 2 butang plastik (untuk bahagian hadapan di bahagian dalam baju).



Gambar 23 : Butang saiz 20mm



Gambar 24 : Butang saiz 16mm

## 5.7. Tali Pinggang

### (a) Nylon Belt

Diperbuat daripada jenis nylon berwarna hitam dengan ketinggian 3cm.

Kepala tali pinggang (*buckle*) diperbuat daripada *metal plated* berwarna emas. Logo Jata Negara hendaklah diembossed / dilekatkan di kepala tali pinggang (*buckle*).



Gambar 25 : Nylon belt

## 5.8. Lencana Integriti

- (a) Diperbuat daripada *metal plated* berwarna emas berlogo CGSO berwarna di tengah-tengah lencana berukuran 6.5cm x 6cm dengan pin melintang di bahagian belakang. Berat lencana - 33 gram.
- (b) Lencana Integriti CGSO diletakkan sebelah kanan dada 5 cm dari aras poket.



Gambar 26 : Lencana Integriti

5.9. Tanda nama

- (a) Berlatar belakang warna hitam, tulisan berwarna putih.
- (b) Panjang – 7.5cm.
- (c) Tinggi – 2.5cm.




Gambar 27 : Tanda nama

**6. LAIN-LAIN**

6.1 Potongan rambut

Jika tidak bertudung, potongan rambut mestilah paras bahu diikat sanggul dan disisir rapi. Warna rambut mestilah berwarna *natural*.

**PAKAIAN SERAGAM  
PENGAWAL KESELAMATAN DAN PEMBANTU KESELAMATAN WANITA  
(GRED KP 11, KP 14, KP 17, KP 22 & KP 26)**



**LAMPIRAN C****TANDA PANGKAT BAGI  
PENGAWAL KESELAMATAN DAN PEMBANTU KESELAMATAN**

BIL	TANDA PANGKAT	JAWATAN/ GRED
1.	 A black shoulder board with the letters "CGSO" in yellow on the left side. There are two thin gold stripes above the letters and one thick gold stripe below them. A gold circular rank insignia is on the right side.	PENGAWAL KESELAMATAN KP 11
2.	 A black shoulder board with the letters "CGSO" in yellow on the left side. There are three thin gold stripes above the letters and one thick gold stripe below them. A gold circular rank insignia is on the right side.	PENGAWAL KESELAMATAN KP 14
3.	 A black shoulder board with the letters "CGSO" in yellow on the left side. There are four thin gold stripes above the letters and one thick gold chevron stripe below them. A gold circular rank insignia is on the right side.	PEMBANTU KESELAMATAN KP 17
4.	 A black shoulder board with the letters "CGSO" in yellow on the left side. There are five thin gold stripes above the letters and one thick gold chevron stripe below them. A gold circular rank insignia is on the right side.	PEMBANTU KESELAMATAN KP 22
5.	 A black shoulder board with the letters "CGSO" in yellow on the left side. There are six thin gold stripes above the letters and one thick gold chevron stripe below them. A gold circular rank insignia is on the right side.	PEMBANTU KESELAMATAN KP 26